

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
[ PONTIAN ]**

**TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [ PONTIAN ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah untuk menstabilkan dan menaikkan harga komoditi utama seperti kelapa sawit, getah, lada hitam, koko, kayu, kenaf dan sago. Apakah cabaran-cabaran utama yang dihadapi dan senaraikan langkah bantuan kepada pekebun kecil bagi membantu mengatasi cabaran itu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Cabaran utama yang dihadapi oleh pihak Kerajaan adalah untuk menstabilkan harga agrikomoditi utama seperti sawit, getah, koko, lada hitam dan kenaf kerana harga agrikomoditi ini bergantung kepada pelbagai faktor. Antaranya adalah senario pasaran harga di peringkat global yang turut dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi, permintaan, penawaran dan stok. Penularan wabak COVID-19 juga telah menjejaskan sedikit sebanyak permintaan untuk keluaran sektor agrikomoditi yang turut menyebabkan kejatuhan harga.

Antara langkah terkini yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam menstabilkan harga agrikomoditi adalah seperti berikut:

## NO.SOALAN : 13

- i. memberikan pengecualian duit eksport minyak sawit mentah (CPO), minyak isirong sawit mentah (CPKO) dan minyak isirong sawit diproses (RBDPKO) sehingga 31 Disember 2020;
- ii. meningkatkan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Biodiesel B20 (adunan 20% biodiesel sawit dan 80% diesel petroleum) bagi membantu meningkatkan penggunaan minyak sawit mentah domestik;
- iii. meningkatkan kerjasama dengan negara-negara pengeluar utama getah iaitu Thailand, Indonesia dan Malaysia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC). Kerjasama ini dijalinan untuk melaksana dan memantau pengurusan pengeluaran getah asli serta mengimbangkan penawaran dan permintaan getah di pasaran dunia melalui tiga mekanisme utama iaitu *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS), *Supply Management Scheme* (SMS) dan *Demand Promotion Scheme* (DPS);
- iv. meneroka pasaran baharu bagi semua agrikomoditi melalui aktiviti promosi dan pepadanan pasaran baharu dengan pengilang tempatan dan pembeli dari luar negara; dan
- v. menjalankan misi-misi ekonomi dan teknikal bagi mengukuhkan hubungan dengan negara-negara pengimport utama produk-produk agrikomoditi Malaysia bagi mendapatkan akses pasaran yang lebih meluas di negara-negara tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara usaha yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan untuk membantu pekebun kecil agrikomoditi meningkatkan pendapatan dan mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi adalah seperti berikut:

**SEKTOR SAWIT:**

- menggalakkan pekebun kecil sawit menyertai Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM). Insentif sebanyak RM200,000 diberikan kepada KPSM bagi tujuan pembinaan pusat timbang untuk menjalankan urusan jual beli buah tandan segar (BTS).
- memperkenalkan Skim Pembiayaan Mudah (SPM) Tanpa Faedah sebagai modal pusingan berjumlah RM100,000 bagi meningkatkan urusan jual beli BTS daripada pekebun kecil sawit di pusat timbang milik KPSM.

**SEKTOR GETAH:**

- memperkenalkan Aplikasi RRIMniaga yang boleh digunakan oleh pelesen untuk merekodkan urusan niaga getah bagi mempercepatkan proses permohonan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) daripada Lembaga Getah Malaysia (LGM).
- melaksanakan Mekanisme Penetapan Harga di Ladang dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada koperasi-koperasi untuk tujuan urusan niaga getah. Mekanisme ini dapat mengurangkan lapisan pembeli dan menawarkan harga *cuplump* pada purata RM0.10 sehingga RM0.20 sekilogram lebih tinggi berbanding pembeli getah lain.

**SEKTOR KAYU-KAYAN:**

- menyediakan Skim Pinjaman Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) berskala besar, sederhana dan kecil kepada syarikat yang bernaung di bawah koperasi yang mewakili pekebun-pekebun kecil dan pengusaha kecil dan sederhana (PKS) di seluruh Malaysia.

**SEKTOR KOKO:**

- menggalakkan pekebun kecil koko untuk menjadi ahli koperasi kluster koko bagi membantu meningkatkan pendapatan dengan penjualan biji koko kering dan penjualan produk coklat.
- menyediakan bantuan input pertanian dan peralatan pertanian di bawah PRE Prihatin tahun 2020 berjumlah RM2.69 juta bertujuan membantu para pekebun koko menyelenggara kebun masing-masing.

**SEKTOR LADA:**

- menyediakan bantuan Input Pertanian Pekebun Kecil Lada Di Bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin 2020 berjumlah RM3,000 bagi satu hektar yang diberi secara *one-off* melalui pemberian baucar.

**SEKTOR KENAF:**

- menyediakan insentif penanaman kenaf sebanyak RM2,385 per hektar dan insentif belian balik batang kenaf dan benih masing-masing pada kadar RM500 per tan dan RM15 per kilogram (kg) kepada penanam kenaf.
- membina Pusat *Research, Innovation Technology and Incubation of Small Enterprises* (RINTIS) bagi melahirkan usahawan termasuk pekebun kecil untuk terlibat dalam aktiviti pemprosesan fiber premium.

Sekian, terima kasih.